



**IKLAN JAWATAN KOSONG**  
**MAJLIS PERBANDARAN HANG TUAH JAYA**

مجلس قريباندارن هغ تواه جاي

<http://www.mphtj.gov.my>

Pemohon yang terdiri daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Melaka adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan di Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya (MPHTJ) seperti berikut :

BIL.	NAMA JAWATAN	GRED JAWATAN	KEKOSONGAN	TARAF JAWATAN
1.	PEMBANTU AWAM	H11	11	PEKERJA SAMBILAN HARIAN

## **A. JAWATAN : PEMBANTU AWAM**

Gred Jawatan	: H11
Klasifikasi Perkhidmatan	: Kemahiran
Kumpulan Perkhidmatan	: Pelaksana
Taraf Jawatan	: Pekerja Sambilan Harian (PSH)
Jumlah Kekosongan	: Sebelah (11)
Keutamaan	: Lelaki
Jadual Gaji	: <b>RM54.00 sehari (Gaji Secara Pekerja Sambilan Harian)</b>

## **SYARAT LANTIKAN :**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:
  - (a) warganegara Malaysia; dan
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3)/Penilaian Menengah Rendah (PMR) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan
  - (d) Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **KEUTAMAAN**

2. Calon hendaklah berumur tidak melebihi 35 tahun pada tahun 2024.

## **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat PT3/PMR atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

## **PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN**

Pegawai-pegawai yang memasuki perkhidmatan Pembantu Awam Gred H11 adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

## **MAKLUMAT TAMBAHAN**

Hanya calon yang berjaya melepasi semua peringkat ujian Kecergasan sahaja akan dipanggil ke Sesi Temuduga Terbuka pada tarikh yang sama.

## **CARA MEMOHON :**

- i. Permohonan adalah dipelawa daripada Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada anak kelahiran Negeri Melaka.
- ii. Permohon hendaklah hadir ke Ujian Kecergasan dan Temuduga Terbuka pada **14 atau 15 Februari 2024 di Zoo Melaka, Ayer Keroh, Melaka.**
- iii. Pemohon diminta membawa bersama dokumen-dokumen **ASAL dan SALINAN** yang diperlukan seperti berikut:-
  - a) Kad Pengenalan dan Sijil Kelahiran
  - b) Lesen Memandu Yang Masih Sah Dikeluarkan Oleh Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia (JPJ)
  - c) Satu (1) Keping Gambar Terbaru Berukuran Passport
  - d) Sijil Kelulusan Persekolahan PMR/ PT3
  - e) Sijil Kelulusan Persekolahan SPM/ SPM(V) dan Sijil Tamat Persekolahan
- iv. Permohonan yang **tidak lengkap dan tidak memenuhi** syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan akan **ditolak dengan serta merta.**

## **SYARAT DAN PERINGATAN :**

- i. Pemohon hendaklah lengkap divaksinasi Covid-19.
- ii. Pemohon perlu sihat tubuh badan dan bebas daripada jangkitan Covid-19 pada tarikh Ujian Kecergasan dan Temuduga Terbuka dilaksanakan.
- iii. Permohon hendaklah berpakaian T-Shirt Berkolar Warna Putih dan Seluar Sukan Panjang Berwarna Gelap.
- iv. Pemohon digalakkan membawa pakaian tambahan untuk Sesi Temuduga Terbuka.
- v. Membawa kelengkapan alat tulis untuk merekod maklumat anggota serta bekalan makanan/minuman yang mencukupi.
- vi. Pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab sekiranya kemalangan yang berlaku adalah disebabkan kecuaiannya pemohon.
- vii. Pemohon diminta hadir awal atau sekurang-kurangnya tepat pada waktu yang ditetapkan. Sekiranya lewat, kehadiran calon adalah terbatal.
- viii. **Pemohon digalakkan makan satu jam awal sebelum masa ujian dilaksanakan.**
- ix. **Pemohon perlu memaklumkan sebarang kecederaan serius yang pernah dialami yang boleh membahayakan diri jika menyertai aktiviti ujian ini.**
- x. **Calon diminta untuk mengamalkan langkah-langkah kesihatan awam dan sentiasa berhati-hati dalam melaksanakan aktiviti ujian ini.**